

ISSUE #58/2 NOVEMBER 2025

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



MALAM

TERLARANG

MITOS, NAFSU & DOSA DI BAWAH
BAYANG NUSANTARA



ZUL ARIFFIN, SHASHA ABEDUL & SOFIA JANE DALAM NASKHAH SERAM

Astro Shaw sekali lagi muncul dengan karya yang berani, *Malam Terlarang*, filem seram thriller yang menyelami sisi gelap mitos dan kepercayaan masyarakat Nusantara.

Terinspirasi daripada kisah sebenar masyarakat, filem ini bukan sekadar tentang hantu yang muncul di balik bayang, tetapi tentang manusia yang rela menukar segalanya demi memenuhi nafsu sendiri.

Berlatarkan era 1980-an, *Malam Terlarang* membawa penonton ke sebuah kampung pesisir bernama Kampung Pasir Larung, di mana seorang gadis muda, Mawar (Shasha Abedul), terpaksa berdepan kehilangan, trauma dan gangguan mistik selepas kematian kakaknya, Safar.

Dalam pencariannya, dia mula membongkar rahsia keluarga dan sumpahan lama yang dikaitkan dengan ritual puja pantai, sebuah kepercayaan yang pernah wujud dalam masyarakat Melayu tradisional. - UMIRAH HALIM





Zul Ariffin - “Saya Naikkan Berat Badan Untuk Nampak Lebih Real Sebagai Bapa”

Bagi Zul Ariffin, Malam Terlarang menjadi antara naskhah paling menarik pernah dibintangi.

Bukan hanya kerana elemen seramnya, tetapi kerana kekuatan naratif dan gaya pengarahannya yang segar.

“Saya rasa topiknyanya menarik saya tak boleh dedahkan tapi memang menarik.

“Dari segi horror, kita tahu semua orang teruja nak tengok babak-babak hantu dan jumpscare, tapi sekarang penonton juga mula melihat storyline, bukan hanya nak tengok hantu muncul semata-mata,” jelasnya.

Pelakon filem Sheriff itu turut memuji mutu sinematografi karya pengarah Nurhanisham Muhammad atau Labu, yang sebelum ini terkenal sebagai Pengarah Fotografi dan kini membuat debut pengarahannya.

“Semua filem luar semakin lama semakin tinggi tahapnya, jadi dari segi sinematografi, pengarah kami, Labu, memang hasilkan kerja yang tip-top,” ujarnya.

Untuk membawakan watak itu, Zul juga melakukan transformasi fizikal, menaikkan berat badan sehingga 105 kilogram bagi mencipta imej bapa yang lebih matang dan realistik.

“Dari segi penampilan, saya ada buat perubahan. Wardrobe pun memang ke arah tahun 1980-an itu sudah sangat membantu.

“Masa itu, saya rasa lebih baik untuk peranan saya menaikkan berat. Saya ingin menampakkan diri saya lebih seperti seorang bapa.

“Saya rasa saya menaikkan berat dalam 105kg. Tapi bukan berat semata-mata, saya perlu nampak puffy. Dengan rambut, jambang dan baju, ia sangat membantu,” kongsiya lagi.

Shasha Abedul Kongsi 'Diganggu' Di Set Penggambaran

Sementara itu, Shasha Abedul, yang membawa watak utama sebagai Mawar, tidak menafikan turut melalui pengalaman mistik sepanjang penggambaran di lokasi seperti paya bakau dan pesisiran pantai.

"Hari pertama kita shoot di paya bakau. Nak balik, dah wrap, lepas buat scene ritual. Kena baca, pemujaan.

"Selepas balik, saya tengah mandi. Tiba-tiba dengar bunyi kerusi bergerak di dalam bilik. Kemudian keluar tak ada apa-apa.

"Kemudian, ada satu masa tu, kami baru habis satu scene dan nak bersiap-siap untuk scene seterusnya. Nama saya Shasha, tapi dalam filem ni semua orang panggil Mawar.

"Masa tu ada seorang pembantu produksi panggil, 'Mawar, boleh bersiap untuk scene seterusnya.' Saya pun toleh, tapi bila tengok... orang tu tak ada.

"Kami cari seluruh rumah, tapi tak jumpa siapa yang panggil. Akhirnya bila jumpa pembantu tu, dia tanya balik, 'Abang Su, Mawar dah tukar baju ke?' Padahal saya belum lagi.

"Cara dia cakap pun sangat kasual macam kita tengah berbual biasa. Itu yang buat saya rasa pelik.

"Untuk saya, mengalami pengalaman ini, dikacau dengan hantu, macam sesuatu yang seronok sebab tak pernah dialami," tambahnya.

Sofia Jane Hidupkan Watak Sarimah Dengan Jiwa dan Psikologi

Legenda layar perak Sofia Jane pula melakar sejarah tersendiri apabila Malam Terlarang menjadi filem seram besar pertamanya selepas 'Susuk'.

"Saya memang suka mitos Nusantara. Bila dapat naskhah ni, saya dan penulis duduk bersama untuk cari sisi baru watak Sarimah, bukan sekadar menggambarkan syirik atau kejahatan, tapi kenapa manusia mendekati perkara itu," jelasnya.

Menurut Sofia, pendekatan itu menjadikan Malam Terlarang lebih bernuansa dan berlapis, menyingkap trauma dan sisi psikologi setiap karakter.

Turut menjadi perhatian ialah dua wajah baharu, Haneesya Hanees dan Aila Azizul yang masing-masing menampilkan debut mereka di layar lebar.





Malam Terlarang Debut Sharifah Haneesya & Aila Azizul Di Layar Perak

Rising stars Haneesya Hanee dan Aila Azizul turut mewarnai naskhah ini, masing-masing mencimpa momentum baharu melalui debut mereka di layar lebar dengan peranan yang penuh kejutan.

"Saya tidak tahu apa yang saya harapkan sebenarnya kerana ini kali pertama. Dan kali pertama, watak sebegini terus. Saya hanya harap apa yang saya lakukan itu mencapai apa yang pengarah dan penerbit mahu," katanya.

Aila yang juga mula mencuri perhatian menerusi siri Generasi Perfect 10 (GP10) pula mengakui rasa teruja berpeluang berlakon bersama barisan nama besar.

"Malam Terlarang adalah filem pertama saya dan projek pertama saya. Sebelum ini saya buat teater. Masa saya masuk itu, saya memang macam starstruck sebab ada Zul Ariffin, Sofia Jane, Shasha Abedul dan Normah Damanhuri.

"Ramai nama besar dan saya ambil peluang ini untuk belajar daripada mereka, terutamanya Kak Sofia," katanya yang memegang watak Safar.

Dengan latar visual di sekitar Pantai Morib dan Kuala Selangor, Malam Terlarang membawakan aura seram berjiwa Nusantara yang segar dan elegan.

Ia bukan sekadar naskhah horor biasa, tetapi refleksi tentang manusia yang mencari Tuhan di tengah gelapnya nafsu dan dosa.

Idea asal filem ini dicetuskan alah seorang tenaga kreatif dari Astro Shaw, Hazo Mahayuddin bersama Nazifdin Nasrudin, Haris M. Nor dan Ariff Zulkarnain. Manakala produksi digerakkan oleh Infinitus Gold.

Malam Terlarang bakal menghantui pawagam seluruh negara mulai 30 Oktober ini, dengan tayangan awal di Kemboja pada 27 Oktober.

Tiket filem Malam Terlarang sudah boleh dibeli mulai 27 Oktober di pawagam seluruh Malaysia dan Brunei.

Saat Hati Uqasha, Raisa Menjauh

Tiada manusia di dalam dunia yang berkahwin untuk berpisah - kecuali maut membawa satu pasangan pulang ke pangkuan Ilahi dan seorang lagi masih bernyawa.

Dan tidak ada juga pasangan yang saat berkahwin akan mempunyai ekspekstasi bahawa pada satu saat, cinta yang pernah diberi sepenuh hati akan perlahan-lahan terhakis.

Namun takdir terkadang berkata lain. Ada banyak pil pahit yang terpaksa ditelan pada saat kita fikir sedang bersenang-senang dalam ikatan perkahwinan.

Tiba-tiba cinta yang pernah penuh menjauh. Begitulah yang terjadi kepada dua selebriti terkenal ini ; pelakon Uqasha Senrose dan penyanyi Indonesia, Raisa.

Pernah terlihat bahagia yang dipamer dalam media sosial dan tanpa dapat ditebak harmoni atau tidak, hakikatnya Uqasha dan Raisa punya jalan cerita hampir serupa tentang rumah tangga mereka.

Rumah tangga yang diharapkan sampai syurga harus berhenti di persimpangan.

Meski pelakon Kamal Adli, suami Uqasha masih berharap agar rumah tangga yang dibina pada 4 November 2021 kekal, Uqasha berkeras untuk dilepaskan.

Sementara Raisa dan suami, Hamish Daud pula sudah sepakat meleraikan ikatan perkahwinan lapan tahun dengan perceraian tetapi bersetuju membesarkan anak perempuan mereka bersama.

Cinta mereka yang pernah penuh tiba-tiba menjauh. Entah apa punca, entah apa yang ditanggung selama menjadi belahan jiwa sehingga tiada lagi peluang kedua.

Yang ada hanya kehendak mereka untuk bahagia sendiri-sendiri.

Begitulah, saat cinta seorang wanita yang pernah penuh dan tiba tiba menjauh maka mahu mencuri seinci ruang di rongga mereka pun tiada. Semuanya telah mati. - MALIAH SURIP

Sarat Elemen Tradisional, Ini 7 Trivia Menarik Tentang Album Siti Nurhaliza, Gema Bumantara

Biduanita Negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza, sekali lagi mengukuhkan kedudukannya sebagai ikon seni tanah air dengan pelancaran album tradisional terbaharu berjudul Gema Bumantara. Gema Bumantara merupakan sebuah naskhah istimewa yang menggabungkan keindahan muzik tradisional dan sentuhan moden.

Berikut 7 trivia menarik tentang Gema Bumantara:

1. Gema Bumantara merupakan kesinambungan kepada siri album tradisional terdahulu Siti yang menjadi tanda aras dalam kerjayanya, antaranya Cindai, Sahmura, Sanggar Mustika dan Lentera Timur.

2. Album Gema Bumantara mengandungi 10 buah lagu baharu, hasil gabungan bakat hebat daripada komposer dan penulis lirik seperti Firdaus Rahmat, Iqie Hugh, Usop Kopratasa, Hafiz Hamidun, Aubrey Suwito, Omar K, Shazriq Azeman, Aiman Sidek, Wan Saleh, Affan Mazlan dan Danish Norr.

Turut terlibat adalah Aisha Retno, RADi, Melly Goeslaw, Amni Musrifah, Irena Taib dan Jamilah Abu Bakar, Ahmad Fedtri Yahya, Datuk Habsah Hassan serta Siti sendiri.

3. Kolaborasi Istimewa bersama penyanyi, Indonesia iaitu Lesti Kejora menerusi lagu Kumbang Bunga. Selain itu, apa yang menjadikan album ini lebih istimewa apabila Siti turut berduet bersama anak saudaranya, Umairah menerusi lagu Kaca & Permata.

4. Makna di sebalik judul album ini adalah, 'Gema' membawa maksud bunyi-bunyian yang bergema, manakala 'Bumantara' merujuk kepada seluruh alam atau buana. Jadi Gema Bumantara membawa makna simbolik yang mendalam, melambangkan suara warisan Melayu yang terus bergema merentasi masa dan generasi.

5. Terdapat lebih 200 lagu yang diterima dan bagi menentukan karya terbaik agar menepati konsep yang diinginkan, pelbagai peringkat saringan ketat dilakukan.

6. Proses penghasilan album ini mengambil masa hampir setahun merangkumi fasa pencarian lagu, penyusunan muzik, rakaman vokal dan produksi akhir yang dilakukan dengan penuh ketelitian.

Album ini turut mendapat sokongan daripada Kementerian Komunikasi melalui MyCreative Ventures menerusi Dana Kebolehanpasaran (Domestik) 2.0 bagi memperkukuh usaha pemerkasaan karya seni tempatan serta memastikan muzik tradisional terus mendapat tempat dalam pasaran arus perdana.

7. Edisi fizikal album Gema Bumantara akan dilancarkan pada Januari 2026, bersempena Konsert Legacy 30 Siti Nurhaliza yang meraikan 30 tahun dirinya dalam industri muzik.

Gema Bumantara kini boleh distrim di semua platform digital utama.





Pengarah: Jastis Arimba
Pelakon: Cut Syifa, Oki Setiana Dewi, Amna Shahab, Azamy Syauqi
Genre: Drama/Kekeluargaan

Abdullah Gaza, atau Gaza, adalah seorang anak yatim setelah bapanya, seorang sukarelawan kemanusiaan, meninggal dunia selepas pulang dari Palestin. Sejak itu, Gaza tinggal di sebuah rumah anak yatim yang diuruskan oleh Ustazah Dewi dan adiknya, Rafah Shafira. Di situ, dia berkenalan dengan Hayya, seorang kanak-kanak perempuan dari Palestin yang telah berlindung di negara ini selama empat tahun kerana tidak dapat pulang akibat genosid yang berterusan. Di rumah anak yatim itu, hubungan Gaza dan Hayya semakin rapat. Bagi Hayya, kehadiran Gaza memberi ketenangan - namanya mengingatkan dia kepada tanah air yang sangat dirindui. Bersama, mereka kembali menemui kebahagiaan dan persahabatan mereka menjadi penawar kepada luka lama. Namun, satu insiden yang tidak dijangka mula menggugat kedamaian yang baru mereka bina.

Pengarah: Baim Wong
Pelakon: Luna, Maya, Christine Hakim, Fedi Nuril, Oka Antara, Anna Jobling
Genre: Seram/Thriller

Arini dan keluarganya berpindah ke sebuah pekan kecil untuk memulakan hidup baru, namun segalanya bertukar menjadi mimpi ngeri apabila mereka menemui sebuah cermin kuno tersimpan di sebuah gudang rahsia. Bayangan-bayangan manusia di dalam cermin itu mula menakutkan keluarga tersebut. Siapa sangka di dalam cermin itu, tersembunyi seorang wanita tua yang mahu mendapatkan semula keremajaannya dengan menukar tubuhnya dengan tubuh Arini melalui cermin tersebut.

Pengarah: S.S. Rajamouli
Pelakon: Prabhas, Rana Daggubati, Anushka Shetty, Tamannaah Bhatia, Ramya Krishnan, Sathyaraj, Nassar
Genre: Aksi

Baahubali: The Epic" adalah versi gabungan filem dua bahagian, "Baahubali: The Beginning" dan "Baahubali 2: The Conclusion", yang mengisahkan tentang seorang pahlawan legenda yang bangkit dari permulaan yang rendah untuk menentang ancaman yang ada di tanah airnya. Kisah ini juga menyingkap takdir kuno dan ikatan kekeluargaan yang membentuk perjalanan watak utama. Filem ini berpusat pada pertempuran menentang kejahatan, dengan gabungan elemen epik, kebangkitan wira dan ikatan kekeluargaan.

Meerqeen, Steph Beauty & 'Lebih Indah Berpisah' Kuasai Carta Gempak Most Wanted Minggu Ini!

Carta Gempak Most Wanted (GMW) minggu ini menyaksikan Meerqeen kekal sebagai selebriti paling trending diikuti Tracie Sinidol dan Jazmy Juma, manakala Steph Beauty menguasai kategori Digital Creator (Entertainment) dengan Shabina dan Risk Saidon mengekor rapat.


Dunia gaya hidup pula didominasi Tcer Nana, diikuti Mek Yun dan Aida Razman, sementara kategori Foodie dikuasai Mira Burger. Dalam arena sukan digital, Gege muncul di tangga teratas diikuti Johan Ghazali.

Lagu 'Lebih Indah Berpisah' nyanyian Bella Astillah & Ade Govinda menjadi lagu paling trending dan turut tersenarai dalam Video Muzik Trending bersama 'P. Ramlee Saloma - ALPHA' yang menduduki No. 1. Drama Hilang Dalam Rindu kekal pilihan utama penonton, manakala Rashdan Samsudin terus gah sebagai Hos Program Digital Trending.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Digital Creator Trending (Entertainment)

1. Steph Beauty
2. Shabina
3. Risk Saidon
4. Wan Chai
5. Yazmin Aziz

TOP 5 Digital Creator Trending (Lifestyle)


1. Tcer Nana
2. Mek Yun
3. Aida Razman
4. Wani Faizun
5. Haaziq Designs

TOP 5 Video Muzik Trending

1. P Ramlee Saloma - ALPHA
2. Sesaat - Aina Abdul
3. Lebih Indah Berpisah - Bella Astillah & Ade Govinda
4. Alangkah - Hael Husaini
5. Menamakanmu Cinta - Dato' Sri Siti Nurhaliza, Ade Govinda

TOP 5 Digital Creator Trending (Foodie)

1. Mira Burger
2. Che Sayang Kitchen
3. Capikkkkkk
4. Syiqin Azrin
5. Ms Neo





Gegar Vaganza 12 Kembali Meriahkan Malam Ahad Rakyat Malaysia

Rancangan realiti nombor satu, Gegar Vaganza (GV) kembali meraikan bintang-bintang legenda era '80-an dan 2000-an dengan aura baharu.

Musim kali ini memperkenalkan konsep eksklusif "GV-Verse", sebuah dimensi yang diinspirasi daripada aura dan keunikan bintang-bintang Gegar Vaganza 12 (GV12) yang mempunyai kelebihan mereka tersendiri sehingga ke hari ini.

Musim ini, Astro mempersembahkan 13 barisan peserta solo dan kumpulan dari Malaysia, Indonesia dan Singapura yang bakal menampilkan kehebatan seni serta menghidupkan kembali pentas dengan persembahan yang penuh pesona dan luar biasa.

Mewakili Malaysia, barisan peserta Gegar Vaganza GV12 menampilkan nama-nama hebat seperti penyanyi solo Dato' Elaine Kang, Krisya, Mell Sakura, Korie, Rahmat Ekamatra, Mark Adam dan Nubhan, bersama duo pop Freshies (Ejie dan Shima) yang bakal menghidupkan semula pesona irama tempatan.

Dari Indonesia, pentas GV12 turut diserikan dengan kehadiran Shae, Ruri Repvblik serta trio Mendua (Pungky, Sasha & Diana) yang membawa warna muzik tersendiri.

Sementara itu, Singapura tampil dengan bangga menerusi penyertaan Iskandar Ismail, nama yang cukup sinonim dengan keunggulan vokal dan karisma.

Menambah elemen misteri dan kejutan, SHY8 hadir sebagai peserta wildcard musim ini, menjanjikan sentuhan seni yang unik serta kejutan segar yang bakal mencetus fenomena baharu dalam GV-Verse. Penganjuran Gegar Vaganza pada tahun ini juga masih mengekalkan Datuk Syafinaz Selamat, Hetty Koes Endang dan Datuk Ramli MS selaku juri.

Acara yang berlangsung selama 12 minggu ini akan dikendalikan oleh pengacara hebat Nabil Ahmad dan Sherry Alhadad.

Gegar Vaganza V12 bakal bersiaran secara langsung di MBSA Shah Alam mulai 2 November 2025, setiap Ahad, jam 9 malam, dan dipancarkan secara langsung menerusi saluran Astro Ria (saluran 104).





Tayangan Episod Akhir, Meet & Greet Generasi: Perfect 10 Meriah!

Jumaat lalu telah berlangsung acara sesi bertemu peminat bersama barisan pelakon drama yang paling hangat diperkatakan ketika ini iaitu Generasi: Perfect 10.

Antara barisan pelakon yang hadir pada acara yang berlangsung di Charge Arena, Quill City Mall itu adalah Arena Wan, Arabella Ellen, Ellyza Azizi, Daniel Fong, Aaliyah, Natasha, Aila Azizul, Dhabita Auji, Chandni Nagadurga, Hazi Juzaili, Aiman Ameer bersama showrunner dan juga produser iaitu Nas Addina serta Ilya Karnain.

Dengan kehadiran 100 peminat bertuah, sesi bertemu peminat, acara eksklusif yang diadakan dengan kerjasama Goodday Charge serta hasil penganjuran Gempak dan Astro Shaw melalui satu peraduan interaktif dalam talian ini berlangsung dengan meriah.

Selain sesi ramah mesra dan tandatangan, peminat juga berpeluang mengambil gambar bersama pelakon.

Selain itu, satu lagi acara iaitu tontonan episod akhir siri Astro Originals ini juga turut berlangsung di TGV, Pavillion, Bukit Jalil pada Rabu.

Pada malam tersebut, rata-rata pelakon dan peminat juga turut beremosi selepas menyaksikan episod akhir itu.

Bagi yang terlepas, jangan lupa saksikan episod akhir Generasi: Perfect 10 secara eksklusif di Astro Ria, Astro Citra, Astro GO dan aplikasi sooka.

Siri ini mengisahkan watak utama Ezie, lakonan Arena Wan, yang sejak kecil meminati sukan gimnastik.

Namun, perjalanan hidupnya berubah selepas kelab gimnastik sekolah ditutup sebelum dia nekad menyertai sebuah akademi sukan berprestij.

Konsert Empat Live 2025 Cipta Magis, Serlah Kehebatan Vokal Ziana Zain, Anuar Zain, Ernie & Syamel

Gabungan empat penyanyi bersaudara, Ziana Zain, Anuar Zain, Ernie Zakri dan Syamel, membuktikan kehebatan vokal mereka apabila berjaya menghiburkan lebih 4,500 penonton menerusi Konsert Empat Live In Kuala Lumpur 2025 di Mega Star Arena, Sabtu lalu.

Konsert hampir tiga jam itu menampilkan lagu-lagu hits seperti Ku Bersuara, Lebih Sempurna, Madah Berhelah dan Keabadian Cinta.

Ernie menyifatkan peluang berkongsi pentas dengan tiga legenda itu sebagai impian sejak kecil, manakala Ziana meluahkan rasa syukur konsert yang lama dirancang akhirnya menjadi kenyataan.


Konsert terbitan Anuar Zain Network bersama Altus ProHouse ini turut menampilkan Jennifer Thompson sebagai pengarah konsert.

Spider Unplugged Hidupkan Semula Jiwa 90-an

Lebih dua dekad bertahan dalam industri, kumpulan Spider membuktikan mereka masih berbisa melalui konsert Spider Unplugged yang berlangsung di Megastar Arena Kuala Lumpur, anjuran Naga Legend Entertainment.

Dikenali sebagai kugiran yang 'degil' namun berjiwa muzik sejati seperti yang pernah disifatkan sifu mereka Datuk Dr M Nasir, Spider tampil gah dengan persembahan akustik yang memukau, menggabungkan vokal mantap Tam bersama Aie, Iss dan Pown serta barisan pemuzik profesional di bawah pimpinan Firdaus Mahmud.

Dengan konsep unplugged yang rapi, permainan lampu dan suasana 90-an yang nostalgik, Spider mempersembahkan 24 lagu termasuk Ngam Ho, Relaku Pujuk, Mungkinkah Terjadi dan lagu baharu Sungguh Ku Telah Jatuh Cinta, selain mengejutkan peminat dengan cover lagu Impian Seorang Nelayan milik Kembara. - MALIAH SURIP



Mdno

@dodosentoso ✓

Jangan Anggap Kanser Payudara Hanya Untuk Wanita, Lelaki Juga Harus Waspada

Bila bercakap mengenai kanser payudara, rata-rata antara kita akan tertumpu kepada golongan wanita.

Namun tahukah anda kaum Adam juga boleh menghidap kanser payudara.

Menurut pencipta kandungan kesihatan, Muhammad Noor Zakaria atau lebih dikenali sebagai Mdno bahaya utama kanser payudara dalam kalangan lelaki ialah kesedaran yang sangat rendah.

Ramai lelaki tidak menyedari mereka berisiko, malah ada yang malu untuk berjumpa doktor, menyebabkan penyakit hanya dikesan apabila sudah di tahap serius.

"Ramai ingat kanser payudara hanya penyakit wanita. Tapi sebenarnya, lelaki pun boleh kena sebab kita juga ada tisu payudara di belakang puting.

"Lelaki biasanya tak buat pemeriksaan sebab rasa tak mungkin boleh kena. Bila sedar, dah masuk stage 3 atau 4," katanya.

Mdno turut berkongsi beberapa simptom awal kanser payudara lelaki yang perlu diberi perhatian antaranya adalah ketulan di belakang puting, keluar cecair putih atau merah dari puting, puting termasuk ke dalam (inverted nipple), kulit di sekitar dada berkedut atau kemerah-merahan.

Jika tanda-tanda ini muncul dan tidak hilang lebih daripada lima minggu, Mdno menasihatkan supaya segera berjumpa doktor untuk pemeriksaan lanjut.

Antara faktor utama yang boleh meningkatkan risiko penyakit ini termasuklah faktor genetik (mutasi BRCA2), ketidakseimbangan hormon, terutamanya apabila paras estrogen terlalu tinggi, masalah hati kronik atau obesiti, sejarah keluarga yang pernah menghidap kanser payudara dan usia meningkat, biasanya selepas 60 tahun.

Mdno menasihatkan lelaki supaya berani menjalani pemeriksaan dan mengamalkan gaya hidup sihat seperti menjaga berat badan, tidak mengambil alkohol serta menjalani saringan kesihatan tahunan, terutamanya selepas usia 40 tahun.





Kid Wrecks Record-Breaking Kolam In Seconds

A Malaysian YouTuber known as Ccwhyao organised a massive traditional kolam sand-painting display at a mall, involving over 180 people from various ethnicities and age groups, and took ten hours to complete, the piece even broke an ASEAN record.

However the artwork was later disrupted when a child walked through the display and damaged part of it, prompting the mall's security guard (dubbed the "Kolam Guardian God" online) to step in and repair the damage swiftly.




The First Flying Car Race Is Real

The Jetson Air Games has officially launched the world's first flying car race, hailed as the "Formula One of the skies." Held at Up.Summit in Texas, the event featured four pilots racing Jetson One electric aircrafts, each capable of flying at 102 km/h.

The race served as a proof of concept for future aerial competitions and marked a milestone in aviation innovation.

Jetson co-founder Tomasz Patan called it "a proud moment" for the team, as global fans celebrated what feels like the start of a sci-fi reality.



Malaysian Sells Pokémon Cards For RM1.87 Million

A Malaysian Pokémon enthusiast, Damiral Imran, made headlines after selling his entire trading card collection for an astounding RM1.87 million.

The massive haul, built over years of dedicated collecting, featured rare and high-value cards that turned his childhood passion into a lucrative payoff.

Based in Shah Alam, Damiral shared that the sale wasn't just about money but symbolized years of patience, nostalgia, and commitment to the game marking a proud moment for local collectors and fans alike.

Read more at www.rojakdaily.com.